

Broker usah ada niat tersembunyi

BH ONLINE | Selasa, 26 November 2019 | 11:00am

Ketika isu 'tarik tali' masih berlaku dalam rundingan pengambilalihan tanah bagi tujuan pembangunan Kampung Baru, ada pula broker giat mengintai peluang terhadap tanah di pinggir kawasan itu yang turut dikategorikan bernilai tinggi. Contohnya tanah di Kampung Sungai Baru yang kita difahamkan, tawaran dibuat juga agak lumayan.

Dalam hal ini, kita setuju pemilik tanah berhak membuat keputusan. Cuma kita bimbang prosedur lebih mudah kerana tanah Kampung Sungai Baru berstatus persendirian atau pajakan 99 tahun, menyebabkan broker akan lebih tertumpu di situ berbanding Kampung Baru, yang sedikit rumit kerana ditadbir *Malay Agricultural Settlement (MAS)*.



Tinjauan sekitar Kampung Sungai Baru yang berada di dalam kawasan Kampung Baru akan di bangunkan oleh pemaju swasta dan sudah mendapat kelulusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menjalankan projek pada 2021. - Foto Mohd Yusni Ariffin

Apa pun, pemilik tanah diharap buat pertimbangan wajar dan jangan melihat nilai ditawarkan semata-mata. Kita difahamkan sudah ada pemilik tanah bersetuju. Namun, penting untuk pastikan broker tidak ada niat tersembunyi.

Harapan kita apa pun keputusan dibuat, jangan sesekali mengetepikan kepentingan Melayu dalam kawasan emas itu. Sejujurnya, kita mahu melihat Kampung Baru membangun dan penghuninya dapat menerima nikmat daripada pembangunan dibawa. Jangan hanya kerana mahukan pembangunan, aspek warisan Melayu di tengah kota dipinggirkan.

Selesaikan pemohon PPR lebih awal

Ketetapan dibuat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) agar setiap Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang siap dibina sepenuhnya perlu diisi dalam tempoh enam bulan, wajar disokong. Semakin lama ia dibiarkan kosong, semakin tinggi risiko kediaman itu rosak. Lantas kerajaan perlu keluarkan bajet baharu untuk penambahbaikan.